

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</b> <b>BAHAGIAN PENDIDIKAN SWASTA</b>				
1	Bengkel dan Kongsisama Akta Pendidikan Penggal 210 mengenai Penubuhan dan Pendaftaran Lembaga Pengelola (Board of Governors ) bagi semua pegawai dan kakitangan BPS termasuk pengurus dan lembaga pengarah sekolah swasta.	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kefahaman yang jelas dan kepatuhan kepada akta</li> <li>• Penubuhan dan Pendaftaran BOG IPS dan IPTS dapat dilaksanakan selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Akta Pendidikan</li> <li>• Kerjasama diantara BOG dengan kepimpinan sekolah lebih padu dalam menghasilkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang sangat kondusif.</li> <li>• Memudahkan mengisi borang-borang pendaftaran dengan lebih teratur.</li> </ul>	<p>Sepertimana yang diperuntukan di dalam Akta Pendidikan Penggal 210, setiap IPS adalah dimestikan mempunyai Instrumen pengelolaan (<i>Instrument of Government</i>). Instrumen Pengelolaan ini memperuntukan dan mentakrifkan kuasa serta tanggungjawab lembaga Pengelola. Jika ses sebuah IPS tidak mempunyai lembaga pengelola yang sepatutnya diperlembagakan di bawah Akta Pendidikan, maka Menteri adalah berkuasa melantik seseorang atau lebih yang difikirkannya layak untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengelola bagi tempoh sebagaimana yang diarahkan. Kementerian Pendidikan melalui kuasa Menteri Pendidikan boleh, jika Menteri Pendidikan merasakan ianya patut diadakan untuk melantik atau melucutkan pengelola tambahan atas sebab-sebab berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengurusan kurang memuaskan;</li> <li>2. Tidak mematuhi peraturan-peraturan dan persyaratan di dalam Instrumen pengelola IPS;</li> <li>3. Tidak mematuhi mana-mana peruntukan di dalam Akta Pendidikan atau mana-mana peraturan di bawannya. Bagi memberigakan maklumat dan Tatacara Penubuhan &amp; Pendaftaran dengan merujuk Peraturan 6, Akta Pendidikan Penggal 210 berserta Garispanduan Penubuhan &amp; Pendaftaran Lembaga Pengelola IPS.</li> </ol>
<b>JABATAN SEKOLAH - SEKOLAH</b>				
2	School / Home Visit	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantu pelajar supaya dapat bersekolah mengikut peraturan dalam Akta Pendidikan Wajib (APW) wajib bersekolah formal, dari usia 6 tahun hingga 17 tahun</li> <li>• Kehadiran pelajar perlu mencapai 95% melalui sukanan di peringkat nasional</li> <li>• Kehadiran mengikut iNIES sekurang-kurangnya 85% keatas</li> </ul> <p>Pengurangan isu pelajar tercicir / drop-out dan ditakuti sukar untuk mencari pekerjaan dikemudian hari disebabkan tiada Pendidikan formal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengelakkan kes-kes yang akan membebankan kerajaan dan juga negara daripada masalah-masalah yang ditimbulkan</li> <li>• Memastikan tidak ada pengabaian terhadap pelajar-pelajar yang berada di rumah</li> <li>• Meningkatkan tanggungjawab ibu-bapa kepada anak-anak mereka</li> <li>• Menyokong sasaran Negara 2035 Rakyat Brunei mempunyai kemahirang tinggi,berpengalaman dan berilmu serta dapat menyesuaikan diri dengan keadaan mengikut peredaran zaman</li> </ul>	<p>Projek ini dibahagi kepada 3 kumpulan kerja:- Kumpulan 1 (Kluster 1 dan 2) Kumpulan 2 (Kluster 3 dan 4) Kumpulan 3 (Kluster 5 dan 6)</p> <p>Merujuk Data System iNIES tahun 2015 - 2019 telah mendapat seramai 1,058 pelajar drop - out yang perlu diteliti dan dicari punca / kesan serta membuat suatu kaedah yang dapat membantu memperbaiki pelajar berkenaan selaras dengan inisiatif pihak kerajaan yang menyasarkan Pendidikan untuk semua (<i>Education for All</i>)</p> <p>Kaedah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- berbentuk forum</li> <li>- lawatan kerumah</li> <li>- ceramah motivasi <i>incentive planning</i></li> <li>- sesi kaunseling</li> <li>- konsultasi, pelbagai inisiatif</li> <li>- perbincangan secara <i>case - by - case</i></li> <li>- Membantu pelajar tercicir dengan memberikan fokus kepada skill - base knowledge dan mengurangkan exam oriented</li> </ul>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjauhkan pelajar daripada bersikap suka meminta-minta</li> <li>Meningkatkan Peranan Ibu Bapa prihatin secara menyeluruh</li> <li>Meningkatkan keupayaan pelajar-pelajar terutama terhadap mata pelajaran yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara dan kemahiran ekonomi dan juga sosial pelajar berkenaan dikemudian hari</li> </ul>	tetapi diganti dengan continuous assessment bagi pelajar tercicir. (sebagai contoh, skill di dalam Bahagian Plumbing, Construction, Woodwork & Culinary ).
3	Business Continuity Plan	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan sesi pembelajaran dan pengajaran dapat secara berperingkat mengikut SOP covid 19</li> <li>Menjalankan perkhidmatan sekolah beroperasi seperti biasa</li> <li>Menjamin keselamatan warga sekolah (tenaga pengajar dan bukan tenaga pengajar serta pelajar) dapat dijamin semasa pelaksanaan persekolahan</li> </ul>	BCP adalah dokumen yang menyediakan garispanduan bagi sebuah organisasi / institusi pendidikan (sekolah, maktab dan pusat tingkatan enam) terus beroperasi semasa gangguan atau bencana.
4	Penyediaaan 'School Financial Management Booklet "	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadi panduan mudah bagi pemimpin sekolah yang sedia ada dan yang akan dilantik</li> <li>Kandungan yang dikemaskini dengan dasar dan peraturan yang baru melalui surat keliling / surat pemberitahuan selepas tahun 2006 memberikan lebih keyakinan kepada pemimpin sekolah dalam membuat keputusan dalam urusan kewangan sekolah</li> <li>Panduan yang lebih bermaklumat akan dapat menyegerakan penghantaran penyata kewangan sekolah atau KKK mengikut tarikh yang ditetapkan</li> <li>Dapat mengurangkan kesilapan dalam penyediaan Penyata Kewangan Sekolah atau KKK kerana tersedianya contoh template penyediaan yang lengkap</li> <li>Memberikan penjiatan masa kerana pemimpin sekolah dan pihak yang berkepentingan akan mendapat akses yang mudah kepada maklumat yang diperlukan tanpa perlu bertanya secara kerap ke Unit Audit Dalaman atau UPKS jika timbul kewahaman atau kesilapan dalam proses kutipan / perbelanjaan kewangan sekolah</li> <li>Tambahan isi kandungan dengan memasukkan peraturan - peraturan kewangan yang berkaitan akan lebih membantu dalam pengurusan kewangan yang lebih telus dan berdisiplin</li> <li>Tunggakan penghantaran KKK sekolah akan berkurangan kerana pemimpin sekolah akan lebih berpengertian mengenai implikasi negatif yang akan dihadapi jika penyediaan tidak di buat dengan sesegeranya khususnya apabila merujuk kepada memorandum berkaitan Garispanduan Surcaj dalam Perkhidmatan Awam</li> <li>Urus tadbir sekolah akan menjadi lebih efisien kerana peraturan kewangan disediakan dengan lebih lengkap</li> <li>Imej sekolah akan bertambahbaik dan akan mengurangkan teguran audit dengan penghantaran KKK yang tepat pada masanya</li> </ul>	Selaku pengurus kewangan sekolah, pengetua dan guru besar perlu bertanggungjawab penuh bagi mrancang, mengurus dan mengawal serta menentukan pengurusan kewangan di sekolah dengan cekap dan berkesan. Oleh itu penyediaan <b>Booklet Pengurusan Kewangan Sekolah (School Financial Management Booklet)</b> ini disediakan untuk memastikan dan melengkapkan setiap pemimpin sekolah khususnya dengan ilmu dan pengetahuan mengenai urus tadbir kewangan sekolah untuk menjadi lebih mantap. Penyediaannya dijadikan salah satu inisiatif utama JSS dalam mendokong Pelan Strategik 2018 - 2022, Kementerian Pendidikan iaitu Strategic Objective 1 - 'Transform our Organization through a performance driven culture for growth and success' yang mana menekankan kepada kepentingan untuk strengthen and develop our human resources competencies for system excellence. Dengan penyediaan satu booklet khusus dan komprehensif, juga akan dapat menjadikan pemimpin sekolah lebih cekap dan berpengetahuan.

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<p>dan urus tadbir kewangan sekolah yang mengikut peraturan-peraturan yang ada</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu rujukan standard akan mengurangkan penggunaan buku atau manual yang pelbagai yang mana mengambil masa yang lama dalam menyelesaikan tugas dan membuat keputusan</li> </ul>	
<b>JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET</b>				
5	Facilities Management Contracts (FCM) - Fiscal Consolidative Initiatives	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan perkhidmatan operasi dapat berjalan dengan lancar dan tanpa gangguan dengan menggunakan amalan pengurusan terbaik dan prosedur yang telah ditetapkan</li> <li>• Menyokong keperluan pelanggan (sekolah, pejabat dan perumahan dibawah Kementerian Pendidikan) dengan memastikan semua infrastruktur yang kritikal beroperasi seperti mana yang ditetapkan</li> <li>• Menjadikan inovasi pengurusan fasiliti yang beraya tahan dan kos - efisien</li> <li>• Memastikan semua infrastruktur pendidikan di Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan kondusif, selamat, dan berkualiti untuk memanjangkan jangka hayat bangunan dan peralatan</li> </ul>	<p>Salah satu projek dibawah Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet dalam menambahbaik penyampaian perkhidmatan penyelenggaraan bagi sekolah-sekolah dan pejabat-pejabat di ke empat buah daerah di Negara Brunei Darussalam.</p> <p>Skop Kerja FCM</p> <p>a) <i>Comprehensive Corrective Maintenance (CCM)</i> - kerja penyelenggaraan dilaksana bagi kerosakan yang disebabkan oleh "wear and tear" dan kerosakan asset diluar tempoh warranty</p> <p>b) <i>Planned Preventive Maintenance (PPM)</i> - kerja penyelenggaraan dilaksana untuk mengelakkan kerosakan besar dan masalah yang mungkit berbangkit</p> <p>c) <i>Out of Comprehensive Corrective Maintenance</i> - kerja penyelenggaraan yang dilaksana yang bukan disebabkan oleh "wear and tear" / kerosakan asset diluar tempoh "waranty" seperti kerosakan yang disebabkan oleh pihak lain (selain kontraktor).</p>
<b>JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM</b>				
6	Program Pembelajaran Di Rumah	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendokong inisiatif Program Pembelajaran di Rumah (<i>Home Based Learning</i>) dalam usaha memastikan momentum pembelajaran para pelajar diteruskan walaupun berada di rumah masing-masing semasa negara berdepan dengan pandemik COVID - 19</li> <li>• Membolehkan pelajar mendapat akses kepada bahan pembelajaran melalui platform alternatif semasa pandemik COVID 19</li> <li>• Alternatif kepada aktiviti pembelajaran terutama bagi pelajar yang tidak mendapat capaian internet atau komputer riba</li> <li>• Sebagai salah satu landasan (<i>platform</i> pembelajaran di luar lingkungan sekolah selain pembelajaran atas talian (<i>online learning</i>) dan penggunaan <i>Home Pack Learning Materials (HPL)</i>)</li> </ul>	<p>Rancangan TV Pendidikan iaitu Program Pembelajaran di Rumah (PPR) merupakan rancangan kerjasama di antara Kementerian Pendidikan dengan Radio Televisyen Brunei (RTB). Program Pemelajaran di Rumah ini merupakan salah satu inisiatif yang mendokong <i>Home Based Learning</i> dalam usaha memastikan momentum pembelajaran para pelajar diteruskan walaupun berada di rumah masing-masing semasa negara berdepan dengan pandemik COVID-19.</p> <p>Rancangan Pembelajaran di rumah ini adalah untuk pelajar tahun 6 yang akan menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah 9PSR) dan memfokuskan kepada mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Melayu Islam Beraja dan Sains. Rancangan ini mula bersiaran pada 30 Mac 2020. Rancangan ini boleh ditonton melalui Siaran Aneka, RTB setiap hari waktu persekolahan jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.</p>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>JABATAN PEPERIKSAAN</b>				
7	In House Professional Development : Meningkatkan Kapasiti Kakitangan	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengetahui pengertian nilai dan kepentingan nilai</li> <li>Mengenali nilai-nilai diri sendiri dan jabatan</li> <li>Membuka ruang <i>sense of ownership</i> / rasa kepunyaan terhadap nilai jabatan</li> <li>Pemahaman 11 rukun akhlak dan etika kerja</li> <li>Pentingnya komunikasi</li> <li>Tatacara komunikasi</li> <li>Tatacara berkomunikasi bersama pelanggan</li> <li>Penggunaan borang Kajiselidik Tumpuan Pelanggan (KSTP) dalam Perkhidmatan Awam</li> </ul>	Memfokuskan kepada mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi serta kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan orang ramai dengan memberikan kesedaran kepada kakitangan jabatan akan pentingnya dalam menjaga nilai-nilai jabatan, rukun akhlak etika kerja dan tatacara yang baik dalam berinteraksi dengan pelanggan (mesra pelanggan) ketika di kaunter.
<b>JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH</b>				
8	Merebu BTS-TPA Edisi Pertama 2015 kepada BTS-TPA V2.0	Dasar	<p>Matlamat utama untuk meningkatkan kualiti standard pembelajaran dan pengajaran menggunakan BTS framework sejajar dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Falsafah negara, MIB</li> <li>Pelan Strategik Kementerian Pendidikan</li> <li>Teaching for Mastery framework</li> </ul> <p>Sistem BTS-TPA Pemacu Prestasi Kebangsaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mekanisme sokongan Kementerian Pendidikan terhadap guru dan pasukan kepimpinan sekolah</li> <li>Memperkayakan kemahiran SMT dalam penilaian pengajaran dan memberikan maklum balas dan sokongan dalam kemajuan professional guru</li> </ul> <p><b>Sasaran:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memastikan BTS-TPA V2.0 Framework (Buku Panduan, Borang Penilaian, Rubrik/Desktop) dapat digunakan mulai Januari tahun 2020.</li> <li>Memastikan sekolah-sekolah kerajaan menggunakan BTS-TPA v2.0 dalam menilai guru-guru sekolah kerajaan mulai Januari tahun 2020</li> </ol> <p><b>KPI:</b></p> <p># Untuk Meningkatkan kualiti pengajaran guru # Untuk memperkasa kemahiran dan kepakaran pihak kepimpinan sekolah /smt dalam penilaian pengajaran dan memberi maklumbalas bagi menyokong perkembangan profesion guru</p>	<p>Sasaran NKPI 1.1: Sekurang-kurangnya 90 % guru mencapai Gred 3 dan ke atas pada tahun 2035</p> <p>Rasional Perubahan:</p> <p>a) Merebu Instrumen BTS-TPA</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan pernyataan descriptor (rubrik) bagi semua 17 kompetensi dalam Rangka BTS-TPA v2.0</li> <li>Proforma baru penilaian menyediakan wajaran (weightage) seperti: Pengajaran 50%, Pembelajaran pelajar 25%, Pencapaian pelajar 25%</li> </ul> <p>b) Daripada 3 kepada 2 Penilaian formal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi ruang bagi merancang dan melaksanakan penambahbaikan guru melalui Teacher Professional Development (TPD) Plan.</li> <li>Pra-Penilaian membantu menyediakan (TPD) Plan bagi guru-guru.</li> <li>Penilaian Terakhir: Mengukur peningkatan guru dan Penilaian Prestasi Tahun.</li> </ul> <p>c) Sokongan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sokongan kepada SMT dalam penilaian guru menggunakan BTS-TPA v2.0.</li> <li>Sistem Moderasi Baru di sekolah-sekolah untuk mengukuhkan kesahihan dan ketepatan data penilaian yang dibuat oleh SMT.</li> </ul>
9	Struktur Organisasi Baru Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Struktur baru ini nanti akan dapat menyokong Pelan Strategik Kementerian Pendidikan dan JKSS seperti terkandung dalam Strategic Objective 1: Transform our organization through a performance drive culture for growth and success; Strategic Objective 2: Provide equal and equitable access to higher learning for opportunities to quality education dan Strategic Objective 3: Engage and involves stakeholders for shared accountability in learning development of our learners.</li> <li>Struktur organisasi baru JKSS mengandungi</li> </ul>	<p>Keperluan untuk merebu struktur organisasi jabatan sangat signifikan dan sesuai dengan kehendak semasa dalam menyokong pelaksanaan setiap objektif strategik yang digariskan dalam Pelan Strategi Kementerian Pendidikan demi menyokong Wawasan Negara 2035.</p> <p>Rasional utama perubahan struktur organisasi Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah adalah untuk memastikan pembahagian serta pelaksanaan tugas dan tanggungjawab lebih jelas dan terarah dalam melaksanakan key</p>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<p>6 Unit Khas akan dapat menyokong penyediaan khidmat sokongan pendidikan bagi memastikan pendidikan berkualiti tinggi melalui penilaian, pemantauan dan khidmat sokongan serta berperanan sebagai rakan strategik. Dengan adanya dua unit khusus iaitu Unit Jaminan Kualiti Guru / Teachers'Quality Assurer (TQA) dan Unit Jaminan Kualiti Sekolah / School Quality Assurer (SQA) dalam struktur organisasi baru dapat memastikan kerja-kerja jaminan kualiti Pendidikan dilaksanakan secara sistematis. Unit TQA dan SQA berperanan merancang penilaian prestasi sekolah dari segi kualiti penyediakan Pendidikan, menghasilkan laporan dan menghadapkan hasil penilaian mengenai standard pendidikan yang disediakan kepada pihak berkepentingan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Unit Penyelidikan dan Perkembangan / Research and Development (R&amp;D) juga berperanan untuk melaksanakan sebarang kajian yang berkaitan dengan kualiti guru, sekolah dan pendidikan secara umum sebagai langkah penambahanbaikan untuk perkembangan dan kejayaan Pendidikan negara yang berterusan. Unit ini juga bertanggungjawab mengurus data kualiti guru dan sekolah untuk kegunaan jabatan dan orang-orang yang berkepentingan. Unit R&amp;D membentuk dan menyediakan bank data profil prestasi sekolah bagi tujuan mengesan / menjelaki kemajuan dan perkembangan sekolah.</li> <li>● Unit Projek Khas bertanggungjawab menyokong sebarang initiatif Kementerian Pendidikan mengikut keperluan dan kepakaran pegawai JKSS. Manakala, Unit Pentadbiran dan Pengurusan akan bertanggungjawab memastikan, pejalanan rutin seperti urusan pentadbiran dan kewangan serta kebijakan warga beroperasi lebih teratur dan lancar.</li> <li>● Unit Perancangan Strategik adalah dihasilkan sebagai support system dalam JKSS bagi merealisasi sasaran NKP1:1.1 dan NKPI:1.2 dengan menyediakan rangka kerjasama yang terarah dengan pihak yang berkenaan samaada dalam Kementerian Pendidikan (contoh kerjasama dengan JSS, BPS) dan luar Kementerian (Jabatan Pengajian Islam) untuk melaksana penilaian BTS-TPA and WSE bagi penambahbaik sekolah secara menyeluruh. Unit ini berperanan untuk merancang peluang PD yang bersesuaian dan bekerjasama dengan international agency untuk memberi kursus atau work attachment bagi mengukuhkan kompetensi / kemahiran para nazir.</li> </ul>	deliverables (rujuk lampiran 1, muka surat 24) dan mencapai Key Performance Indicators (KPI) mengikut perancangan serta sasaran Jabatan. Pelaksanaan tugas-tugas pentadbiran dan professional akan lebih lancar kerana struktur baru mendaraskan dengan jelas.

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
10	Support System untuk pelaksanaan Sistem Moderasi Penilaian Prestasi Guru / <i>Moderation system for Brunei Teachers standard (BTS)- Teacher's performance Appraisal (TPA): One to one Coaching</i>	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan Moderasi school-based di sekolah-sekolah supaya SMT's mengekalkan tahap kualiti kebersamaan dan <i>reliable</i> dalam penilaian pengajaran berpandukan prosedur BTS TPA - <i>Coaching to Support them</i>.</li> <li>Menjelang tahun 2021, JKSS memastikan data TPA hasil pencerapan SMT sebanding dengan hasil penilaian JKSS supaya data SMT dapat digunakan sebagai ukuran nasional Standard Guru Brunei bagi mencapai Sasaran NKPI 1.1: iaitu 90% guru mencapai gred 3 menjelang tahun 2035.</li> <li>Semua guru dinilai menggunakan BTS-TPA V2.0 oleh pihak sekolah.</li> <li>Memantapkan penggunaan rangka kerja BTS-TPA di semua sekolah rendah dan menengah kerajaan melalui Support System oleh semua Nazir.</li> <li>Melaksanakan latihan pencerapan bersama SMT yang dipilih pihak sekolah bermula Januari 2020 hingga Februari 2021</li> </ul>	<p>Program ini bertujuan untuk memantapkan penggunaan penilaian BTS-TPA di semua sekolah rendah dan menengah kerajaan. Data TPA sekolah yang dicerap oleh School Management Team (SMT) dapat digunakan sebagai penilaian kualiti Brunei Teachers Standard (BTS). Sasaran NKPI: 1.1- 90% guru mencapai gred 3 menjelang 2035.</p> <p>Seuja pegawai/nazir mengambil bahagian secara aktif dalam memberi sokongan dan bantuan bagi latihan kemahiran melaksanakan penilaian guru dengan memberi latihan kepada Pasukan Kepimpinan Sekolah (SMT) berpandukan instrumen Penilaian BTS-TPA v.2.</p> <p>Support System ini dilaksanakan dengan menyediakan <i>one to one coaching</i> oleh Nazir mengikut kluster masing-masing kepada SMT bagi memantapkan Sistem Moderasi BTS-TPA sekolah supaya data TPA pencerapan sekolah-sekolah tepat.</p>
<b>JABATAN PENGURUSAN PENDIDIK</b>				
11	Penstrukturkan semula struktur Bahagian Perkembangan Sumber Tenaga Manusia ke Jabatan Pengurusan Pendidik	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk pencejajaran pengurusan sumber tenaga manusia yang lebih efektif, efisien dan teratur mengikut keutamaan dan keperluan dalam menghasilkan sumber tenaga manusia yang produktif bagi menyumbang kepada Wawasan Negara 2035 ke arah pencapaian <i>Quality Education and the accomplishment of its well-educated and Highly Skilled People</i></li> <li>Pengurusan sumber tenaga manusia yang seragam (<i>standardized</i>) dan pemusatan (<i>centralised</i>) bagi mengurangkan duplikasi proses-proses kerja;</li> <li>- Memudahkan pengumpulan data dan akses kepada big data mengenai pendidik dan jaminan kualiti profiling pendidik;</li> <li>- Mengurangkan rangka proses serta red-tape dan masa untuk membuat keputusan;</li> <li>- Mengoptimumkan proses peningkatan kemahiran kapasiti ke arah yang lebih efisien dan produktif</li> </ul>	<p>Sebagai salah sebuah organisasi kerajaan yang terbesar, Kementerian Pendidikan memerlukan perancangan perkembangan sumber tenaga manusia yang strategik, komprehensif dan dinamik bagi mencapai visi, misi dan objektif strategik kementerian untuk menuju ke perkembangan kecemerlangan pendidikan di negara ini.</p> <p>Transformasi pengurusan sumber manusia adalah diperlukan bagi mencapai kecemerlangan pendidikan ini. Transformasi ini nanti akan memfokuskan kepada pengurusan bagi personel yang terlibat dalam bidang pendidikan iaitu tenaga pengajar, pemimpin sekolah dan pakar</p> <p>Penaiktarafan Bahagian Perkembangan Sumber Tenaga Manusia menjadi Jabatan Pengurusan Pendidik adalah untuk menerajui usaha mentransformasi sumber tenaga manusia iaitu yang melibatkan empat domain berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan dan Pengambilan</li> <li>• Penempatan dan Penempatan Semula</li> <li>• Perkembangan Kerjaya</li> <li>• Persaraan dan Exit Policy</li> </ul>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>Penstrukturran ini melibatkan perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penstrukturran semula organisasi menjadi Jabatan Pengurusan Pendidik <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenalpasti peranan dan fungsi yang baru</li> <li>- Mengubah struktur organisasi</li> <li>- Merangka tugas setiap Bahagian dan Unit</li> <li>- Merangka trek-trek kerjaya bagi Tenaga Pengajar, Pemimpin Sekolah dan Pakar</li> </ul> </li> <li>2. Pensejajaran pengurusan sumber tenaga manusia yang lebih terancang, efektif, efisien serta teratur mengikut keutamaan dan keperluan dalam menghasilkan sumber tenaga manusia yang produktif</li> <li>3. Mengenalpasti pegawai-pegawai yang berpotensi bagi pengurusan tenaga pengajar, pemimpin sekolah dan pakar dari jabatan-jabatan.</li> <li>4. Memastikan prasarana adalah mencukupi bagi pemindahan pegawai-pegawai daripada Jabatan-Jabatan yang berkennaan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenalpasti kekurangan dan menyediakan dari segi kelengkapan dan ruang pejabat.</li> </ul> </li> </ol>
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI				
12	ISO 9001 : 2015 Quality Management System	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan keyakinan kepada masyarakat umum yang kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh UTB kepada mahasiswa / mahasiswi khususnya berkaitan pendaftaran kemasukan mahasiswa / mahasiswi, perkembangan kurikulum, pengajaran &amp; pembelajaran, dan penilaian mahasiswa / mahasiswi adalah mengikut garispanduan atau <i>standard operating procedure (SOP)</i> yang sedia ada. Disamping itu, UTB sentiasa berusaha untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan (<i>continuous improvement</i>) bagi memenuhi Standard ISO 9001:2015</li> <li>• Memberikan keyakinan kepada masyarakat umum amnya dan tenaga kerja UTB secara khususnya yang kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh pengurusan UTB kepada semua tenaga kerja UTB samaada tenaga akademik atau tenaga bukan akademik adalah mengikut garispanduan atau <i>standard operating procedure (SOP)</i> yang sedia ada.</li> <li>• Membantu usaha pengiktirafan dan akreditasi program - program yang ditawarkan oleh UTB diperingkat nasional dan antarabangsa.</li> </ul>	<p>UTB telah mengambil keputusan strategik untuk mendapatkan pensijilan ISO 9001 : 2015 dengan memperkenalkan <i>Quality Management System</i> kepada seluruh perkhidmatan yang dilaksanakan di UTB dalam usaha bagi memastikan pemberian perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan.</p> <p>Pensijilan ISO 9001:2015 adalah bertepatan pada masanya kerana ianya adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang bertujuan untuk mengubah Negara Brunei Darussalam menjadi bangsa yang diiktiraf secara meluas sebagai masyarakat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Pengiktirafan ISO 9001:2015 akan dapat memberikan keyakinan kepada masyarakat bagawa kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh UTB adalah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Ini juga akan memastikan yang Universiti Teknologi Brunei (UTB) melahirkan graduan serta tenaga kerja yang berkemahiran dan profesional selaras dengan piawaian industri tempatan dan antarabangsa.</p>